



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 1 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM TERIMA 18,642 PERMOHONAN BUDI AGRI-KOMODITI SETAKAT INI-MOHAMAD, ASTRO AWANI -ONLINE 18,642 PERMOHONAN BUDI AGRI-KOMODITI DITERIMA KPKM, BH -ONLINE PERLU ATASI 'ABANG BESAR' SEBELUM ORANG ASLI MULAKAN TANAMAN DURIAN KOMERSIAL, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	12 TUKUN DASAR KEKANG PUKAT TUNDA DILABUH DI SELAT MELAKA, NEGARA, KOSMO -18 12 TUKUN HALANG PUKAT TUNDA DILABUHKAN DI KEPULAUAN SEMBILAN, DALAM NEGERI, UM -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	MAFS SASAR RM750,000 JUALAN FAMA FEST 2024 SELANGOR, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	TASIK SEMAKIN KERING, JPS HENTI BEKALAN AIR KE SAWAH, DALAM NEGERI, UM -35	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	PERLIS, KEDAH RINTIS TANAMAN PADI HYBRID EMPAT KALI SETAHUN, SH -ONLINE JOHOR TERIMA RM70.12 JUTA PACU SEKTOR AGROMAKANAN, MEDIA DIGITAL JOHOR -ONLINE SULTAN KEDAH TITAH PM LULUS RM200 JUTA, NASIONAL, SH -10 KEKALKAN SAWAH: KEDAH MOHON RM200 JUTA INSENTIF, DALAM NEGERI, UM -3 KEDAH BELANJA LEBIH RM9 JUTA JAMIN BEKALAN MAKANAN TERMASUK PADI CUKUP, DALAM NEGERI, UM -4 GOVT URGED TO ACT ON KEDAH WISH LIST, NATION, THE STAR -4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM terima 18,642 permohonan BUDI Agri-Komoditi setakat ini - Mohamad



Mohamad ditemui media pada Majlis Perasmian FAMA Fest 2024 @ Negeri Selangor di sebuah pasar raya di Bukit Tinggi, Klang hari ini. - Foto Bernama

KLANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima 18,642 permohonan bantuan BUDI Agri-Komoditi setakat ini, kata Menteri Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata walaupun permohonan yang diterima daripada petani dan pekebun kecil di seluruh Semenanjung itu agak tinggi, namun KPKM masih berharap lebih ramai golongan berkenaan berbuat demikian selepas ini.

Advertisement

"Jumlah itu secara umumnya sudah banyak, tapi kita masih berharap lebih ramai tampil memohon dan kementerian akan memudahkan urusan permohonan tersebut.

"Kita harap mereka yang layak memohon bantuan berkenaan agar usaha kerajaan memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak, tercapai," katanya kepada pemberita pada perasmian program Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Fest 2024@ Selangor, di sini hari ini.

Kerajaan sebelum ini melancarkan inisiatif BUDI MADANI sebagai inisiatif memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak meliputi bantuan individu (BUDI Individu), petani serta pekebun kecil (BUDI Agri-Komoditi), serta syarikat dan kenderaan pengangkutan menerusi (MySubsidi Diesel).

BUDI Agri-Komoditi meliputi sumbangan tunai RM200 kepada petani dan pekebun kecil di Semenanjung yang berdaftar dengan KPKM atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

Dalam pada itu, Mohamad berkata Malaysia berpotensi meneroka pasaran produk makanan ke Negara Bebas Komanwel (CIS), dalam usaha kerajaan bagi meningkatkan lagi jumlah eksport negara ke peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, kopi negara kita seperti Tongkat Ali turut dikenali di luar negara dan boleh diterima pasaran antarabangsa. Oleh itu, kita perlu menggunakan peluang itu untuk menerokai negara CIS seperti Kazakhstan dan Tajikistan," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan usaha KPKM membantu masyarakat Orang Asli dalam mengusahakan tanaman durian dalam skala besar, Mohamad berkata perkara tersebut masih dalam perbincangan bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Pada 21 Jun, Mohamad dilaporkan berkata KPKM dalam perancangan menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai antara penggerak utama bagi penanaman durian berskala besar di negara ini, berikutan terdapat banyak lokasi berdekatan kediaman mereka berpotensi dibangunkan sebagai kawasan penanaman durian berkualiti serta mampu menembusi pasaran luar negara, khususnya di China.

Terdahulu, Mohamad berkata program FAMA Fest 2024@ Selangor yang berlangsung selama empat hari bermula Khamis, merupakan acara tahunan FAMA bagi mempromosi dan memperkenalkan produk pertanian serta agromakanan tempatan kepada orang ramai.

Sebanyak lapan siri penganjuran FAMA Fest disasarkan dilaksana tahun ini, bermula di Perak dan diikuti Sarawak, Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur serta Sabah, dengan sasaran nilai jualan RM7.85 juta, melibatkan seramai 755 orang usahawan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

18,642 permohonan Budi Agri-Komoditi diterima KPKM



Mohamad Sabu (tiga dari kanan) diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Lokman Hakim Ali (dua dari kanan), Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli (dua dari kiri) serta Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri (kiri) merasmikan FAMA Fest 2024 @ Negeri Selangor di AEON Mall Bukit Tinggi, Klang. - Foto

NSTP/Faiz Anuar

KLANG: Sebanyak 18,642 permohonan diterima Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi bantuan tunai Budi Agri-Komoditi setakat ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, permohonan itu antaranya melibatkan golongan petani dan pekebun kecil di seluruh Semenanjung.

"Rekod terbaharu mendapati jumlahnya (permohonan) sudah banyak dan kita berharap lebih ramai lagi membuat permohonan itu.

"Kita (kementerian) semestinya akan membantu memudahkan urusan kepada pemohon inisiatif kerajaan itu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan program Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Fest @ Selangor di AEON Bukit Tinggi di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan jumlah permohonan bagi bantuan tunai Budi Individu dan Budi Agri-Komoditi melalui <https://budimadani.gov.my> mengalami peningkatan mendadak.

Penerima yang layak di bawah dua kategori itu akan disalurkan Budi Madani sebanyak RM200 sebulan selaras pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Budi Agri-Komoditi adalah sumbangan tunai bagi petani dan pekebun kecil di Semenanjung yang berdaftar dengan KPKM atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

Sementara itu, Mohamad berkata Malaysia berpotensi untuk menerokai pasaran produk makanan ke Negara Bebas Komanwel (CIS) bagi meningkatkan lagi jumlah eksport negara.

"Sebagai contoh, kopi negara kita sebenarnya dikenali di luar negara dan boleh diterima pasaran antarabangsa. Justeru, kita perlu menggunakan peluang itu untuk menerokainya di negara CIS seperti Kazakhstan dan Tajikistan," katanya.

Mengulas mengenai usaha KPKM membantu masyarakat Orang Asli mengusahakan tanaman durian dalam skala besar, beliau berkata perkara itu masih dalam perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

"Mereka (Orang Asli) ada tanam tapi dalam bentuk kecil-kecilan sahaja.

"Sekarang kita masih di peringkat perbincangan (Jabatan Pertanian Negeri Perak) dengan pemimpin orang asli supaya mereka dapat menanam dengan skala yang besar," katanya.

Sementara itu, program FAMA Fest @ Selangor yang berlangsung empat hari sejak Khamis lalu mensasarkan 50,000 pengunjung dengan sasaran nilai jualan RM750,000.

Sebanyak lapan siri penganjuran FAMA Fest disasarkan tahun ini iaitu Perak; Sarawak; Pahang; Kelantan; Negeri Sembilan; Selangor; Kuala Lumpur dan Sabah.

Menerusi program itu, FAMA menyasarkan nilai jualan RM7.85 juta dengan penglibatan 755 usahawan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Perlu atasi ‘abang besar’ sebelum orang asli mulakan tanaman durian komersial



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berucap pada Majlis Perasmian FAMA FEST 2024 Selangor di AEON Mall Bukit Tinggi Klang. Foto MOHD ADZLAN, 29 JUN 2024.

KLANG – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang mencari jalan untuk mengatasi ancaman gajah liar atau “abang besar”

sebelum melibatkan orang asli dalam penanaman durian berskala besar di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya sedang berbincang dengan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak dan Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) untuk mengatasinya.

“Orang asli sudah ada tanam durian dan sebagainya, tapi secara kecil-kecilan. Kita sekarang telah berunding dengan JAKOA termasuk Exco Pertanian Perak, kita baru peringkat perbincangan dengan pemimpin orang asli.

“Tapi memang sukar sikit oleh kerana ada abang besar, iaitu gajahlah, nak atasi itu pihak Jabatan Pertanian Perak dan JAKOA sedang mencari jalan.

“Orang asli ini duduk kawasan pedalaman, kalau di Gerik itu gajah banyak populasinya,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu beliau merasmikan FAMA Fest 2024 Selangor di pusat beli-belah AEON Mall Bukit Tinggi, di sini.

Sebelum ini, KPKM dalam perancangan menjadikan masyarakat orang asli sebagai antara penggerak utama bagi penanaman durian berskala besar di negara ini kerana terdapat banyak lokasi berdekatan kediaman mereka yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan penanaman durian berkualiti serta mampu menembusi pasaran luar negara, khususnya di China.

Dalam pada itu, KPKM sedia membantu petani dan usahawan agromakanan tempatan untuk mengeksport prod

“Melalui sesi pepadanan perniagaan yang melibatkan agen pengeksport dari United Kingdom, Hong Kong dan Kemboja, potensi jualan bagi sesi ini dianggarkan berjumlah sebanyak RM3 juta,” katanya lagi. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	KOSMO	NEGARA	18

12 tukun dasar kekang pukut tunda dilabuh di Selat Melaka



SEBUAH kapal milik Jabatan Perikanan merapati ponton yang membawa tukun dasar di peraliran Kepulauan Sembilan, Lumut semalam.

LUMUT – Sebanyak 12 unit tukun dasar lembut penghalang pukut tunda (TDL-AT) bernilai RM370,660 dilabuhkan di peraliran Selat Melaka berhampiran Kepulauan Sembilan dekat sini semalam.

Usaha tersebut adalah bertujuan untuk konservasi serta mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan tidak mesra sumber di kawasan perairan pantai.

Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris

berkenan berangkat melancarkan program tersebut.

Baginda tiba di lokasi peraliran tersebut dengan menaiki kapal milik Jabatan Perikanan kira-kira pukul 9.40 pagi sebelum menghampiri ponton yang membawa 12 unit tukun tiruan tersebut.

Baginda kemudian membunyikan hon dari atas kapal sebagai isyarat untuk tukun tiruan tersebut dilabuhkan ke dasar laut.

Menurut Jabatan Perikanan, pihaknya telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.26 juta

kepada Perak bagi pembangunan dan pemantauan tukun tiruan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) hingga RMK-12.

Jelasnya, bermula 2019 hingga tahun ini, sebanyak 47 unit tukun telah dilabuhkan di empat lokasi di perairan negeri Perak.

"Pembangunan tukun tiruan adalah sebahagian usaha kerajaan melalui Jabatan Perikanan bagi memulihara biodiversiti marin serta memastikan pengurusan sumber perikanan sentiasa mampan dan terjamin," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

12 tukun halang pukat tunda dilabuhkan di Kepulauan Sembilan

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN
utusanews@mediamulla.com.my

LUMUT: Sebanyak 12 unit tukun dasar lembut penghalang pukat tunda (TDL-AT) bernilai RM370,660 dilabuhkan di perairan Selat Melaka berhampiran Kepulauan Sembilan dekat sini, semalam.

Langkah itu bertujuan konservasi serta mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan tidak mesra sum-ber di kawasan perairan pantai. Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris berkenan berangkat melancarkan program melabuh tukun tiruan tersebut.

Baginda tiba di lokasi perairan tersebut dengan menaiki kapal

KAPAL Jabatan Perikanan yang dinaiki Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris merapati ponton yang membawa tukun tiruan di perairan berhampiran Pulau Sembilan, Lumut, semalam.



milik Jabatan Perikanan kira-kira pukul 9.40 pagi sebelum menghampiri ponton yang membawa 12 unit tukun tiruan tersebut.

Baginda kemudian membu-nyikan hon dari atas kapal se-bagai isyarat untuk tukun tiruan tersebut dilabuhkan ke dasar

perairan berkenaan. Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, pihaknya telah me-nyalurkan peruntukan sebanyak

RM1.26 juta kepada Perak bagi pembangunan dan pemantauan tukun tiruan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) hingga RMKe-12.

Jelasnya, sepanjang tempoh tersebut iaitu dari 2019 hingga tahun ini, sebanyak 47 unit tukun telah dilabuhkan di em-pat lokasi yang berbeza di perai-ran negeri Perak.

Menurutnya, pembangunan tukun tiruan di Malaysia ada-lah sebahagian usaha kerajaan melalui Jabatan Perikanan bagi memulihara biodiversiti marin serta memastikan penguru-san sumber perikanan sentiasa mampan dan terjamin.

“Hasil melabuh tukun itu juga dapat memberi manfaat kepada 18,217 orang nelayan di negeri ini,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAFS sasar RM750,000 jualan FAMA Fest 2024 Selangor



Orang ramai tidak melepaskan peluang melawat tapak jualan di Majlis FAMA FEST 2024 Selangor di AEON Mall Bukit Tinggi Klang. Foto MOHD ADZLAN, 29 JUN 2024.

KLANG – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menyasarkan sehingga RM750,000 jualan sepanjang empat hari penganjuran FAMA Fest 2024 Selangor di pekarangan AEON Mall Bukit Tinggi

di sini dari 27 hingga 30 Jun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jualan Agro Madani itu menawarkan pelbagai barang keperluan agromakanan secara terus dari ladang itu dijangka mampu menarik sehingga 50,000 pengunjung.

“FAMA Fest 2024 di Selangor mewujudkan platform bagi usahawan FAMA mempromosikan pelbagai hasil serta perkhidmatan pertanian termasuk kolaborasi dengan Pasar Saloma dengan kunikan makanan tradisi popular dalam negara.

“Saya telah menetapkan sasaran bagi Fama Fest di Selangor ini untuk mencapai nilai jualan sebanyak RM750,000 dan jumlah pengunjung seramai 50,000 orang akan dapat memberi manfaat kepada 200 orang usahawan,” katanya berucap pada Majlis Perasmian FAMA Fest 2024 Selangor di pusat beli-belah AEON Mall Bukit Tinggi, di sini, hari ini.



Mohamad Sabu melawat tapak jualan selepas merasmikan Majlis FAMA FEST 2024 Selangor di AEON Mall Bukit Tinggi Klang. Foto MOHD ADZLAN, 29 JUN 2024.

Selain Selangor, katanya, sebanyak lapan lokasi FAMA Fest telah dirancang dan pelaksanaannya telah bermula di Perak, Sarawak, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Kuala Lumpur dan Sabah pada

tahun ini.

Beliau berkata, FAMA Fest 2024 dijangka mampu meningkatkan jualannya berbanding tahun-tahun sebelum ini dengan sasaran berjumlah RM7.85 juta melibatkan 755 usahawan serta 500,000 pengunjung untuk tahun ini.

“Secara keseluruhan sejak bermula dari 2017, FAMA Fest telah mencatatkan kehadiran seramai 2.2 juta pengunjung dengan jumlah jualan sebanyak RM24.2 juta yang memberi manfaat kepada 2,180 usahawan.

Pada 2023 sahaja, FAMA Fest telah merekodkan sejumlah 283,000 pengunjung dengan penglibatan 532 usahawan dengan hasil jualan sebanyak RM4.2 juta,” katanya lagi. – MalaysiaGazette

Tasik semakin kering, JPS henti bekalan air ke sawah

BAGAN SERAI: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kerian terpaksa menghentikan pengairan untuk pertanian di beberapa kawasan di sini berikutan paras bacaan air di Empangan Bukit Merah di sini menyusut.

Jurutera Daerah JPS Daerah Kerian, Mohd. Fisham Abu Basah berkata, langkah tersebut terpaksa diambil selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Empangan Bukit Merah apabila status semasa empangan itu mencapai paras aras henti bekalan pengairan.

"Bekalan pengairan kepada Rancangan Pengairan Kerian dihentikan kepada semua kompartmen sawah padi mulai pukul 5 petang 28 Jun lalu.

"Bekalan air pengairan ini akan diaktifkan semula sekiranya keadaan dilihat semakin baik," katanya dalam satu kenyataan kelmariin.

Menurut Mohd. Fisham, bagaimana pun bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air Lembaga Air Perak (LAP) masih diteruskan.

"Dalam tempoh tersebut, pihak JPS Daerah Kerian akan mengambil langkah untuk meningkatkan kembali aras air di empangan dan



KEADAAN Tasik Kolang Bukit Merah yang kering di kawasan Bukit Merah Laketown Resort berikutan musim panas ketika tinjauan di Bagan Serai semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

gan membuat takungan.

"Pemakluman permohonan pembenihan awan juga sudah dibuat oleh pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian melalui Kementerian Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM) kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)," katanya.

Kata Mohd. Fisham, pesawah perlu menaung air dengan rapi di kawasan masing-masing dalam tempoh Aras Henti Bekalan Pengairan.

"JPS berharap hebahan yang dibuat berhubung perkara ini, para pesawah terlibat bersedia melaksanakan penjimatan air di lapangan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Perlis, Kedah rintis tanaman padi hybrid empat kali setahun



Projek perintis penanaman padi hybrid empat kali setahun akan dimulakan di Perlis dan Kedah dalam tempoh terdekat. Gambar hiasan

ALOR SETAR - Projek perintis penanaman padi hybrid empat kali setahun akan dimulakan di Perlis dan Kedah dalam tempoh terdekat.

Projek berkenaan dijayakan oleh sebuah syarikat tempatan, Koyan Utama Sdn Bhd (KUSB) bersama sebuah syarikat dari China.

Pengerusi KUSB, Dr Ammar Hassan berkata, KUSB telah memajukan pelan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan penanaman padi empat kali setahun kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan baru-baru ini.

“Salah satu universiti tempatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju melaksanakan projek perintis R&D bagi melaksanakan tanaman padi empat kali setahun,” katanya di sini pada Sabtu.

Sebelum ini, diadakan majlis perjanjian persefahaman (Mou) antara Koyan Utama Sdn Bhd (KUSB) dan Winall Hi-Tech Seed Co Ltd, China berkaitan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) penanaman padi hybrid empat kali setahun serta promosi pelbagai benih tanaman, disaksikan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, di ibu negara.



Ammar (kiri) dan Jiang Sangiao (kanan) bersama Tengku Zafrul usai majlis menandatangani MoU di ibu negara.

Majlis tandatangan MoU diwakili Ammar yang juga merupakan Pengarah KUSB dengan Naib Presiden Winall Hi-Tech Seed Co Ltd, China, Jiang Sangiao pada 20 Jun lalu.

Ammar memaklumkan, program perintis tersebut akan dilaksanakan di kawasan padi kelolaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Perlis dan Kedah.

“Menerusi kerjasama ini, KUSB dan Winall Hi Tech Seed Co Ltd akan wujudkan projek ini di Perlis dan Kedah, sementara UKM dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) uruskan pemeriksaan R&D yang dijalankan.

“Mengikut perancangan, projek perintis ini akan dilaksanakan dalam tempoh sebulan akan datang,” ujarnya.

Menurutnya, berdasarkan kajian, pelaksanaan projek tersebut mampu menghasilkan padi antara lapan hingga 10 tan sehektar, seterusnya meningkatkan keluaran padi dalam negara selain menambah pendapatan pesawah.

“UKM dan MARDI akan meneliti dan memantau pelaksanaan projek yang berdaya maju ini. Sekiranya mendapat kerjasama agensi kerajaan dalam jangka masa panjang, tidak mustahil Malaysia kelak mampu mengeksport beras ke luar negara.

“Perlis adalah lokasi paling sesuai berikutan memiliki cuaca, tanah pamah serta kemudahan sedia ada untuk tanaman padi hybrid,” ujarnya.

Ammar percaya, kerjasama ini juga akan membolehkan misi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjadikan Perlis sebagai pusat pengeluaran benih tercapai.

“Sebenarnya MoU ini bukan sahaja untuk melaksanakan projek perintis tanaman padi tetapi juga meliputi pelbagai benih mengikut kesesuaian pasaran tempatan dan luar negara.

“R&D juga akan dilakukan di luar kawasan MADA yang kekurangan air.

“Selepas projek perintis ini, kita cadangkan diperluaskan ke Perak, Selangor, Pahang, Sabah dan Sarawak agar R&D yang dijalankan lebih praktikal dan menyeluruh mengikut kesesuaian tanah, cuaca dan lain-lain kemudahan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Ammar mengalu-alukan individu atau organisasi yang memiliki tanah sawah untuk menjalin kerjasama dengan KUSB dalam pelaksanaan projek tersebut.

“Saya harap generasi muda dan lepasan siswazah menyahut cabaran untuk terokai tanaman padi empat kali setahun, menggunakan teknologi moden agar perolehan padi bertambah dan beri pendapatan lebih tinggi.

“Kita juga akan adakan kerjasama dengan universiti tempatan agar lepasan siswazah mendapat latihan formal dan sijil kursus latihan penanaman padi empat kali setahun, ia berpotensi untuk melahirkan lebih ramai petani moden,” jelasnya lagi.

Sementara Pengarah Urusan KUSB, William Law memaklumkan, pelaburan bagi menjayakan projek ini dianggarkan mencecah RM200 juta, merangkumi pelbagai lokasi termasuk Pusat Benih di Perlis serta program latihan kepada lepasan siswazah dan generasi muda.

“Program ini juga dijangka dapat menawarkan 10,000 peluang pekerjaan kelak. Kami harap program seumpama ini dapat menyumbang kepada sekuriti makanan negara selain menggiatkan program penanaman petani moden,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	MEDIA DIGITAL JOHOR	ONLINE	

JOHOR TERIMA RM70.12 JUTA PACU SEKTOR AGROMAKANAN



Kunjungan hormat YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke atas YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor di Kota Iskandar.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan RM70.12 juta kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembangunan meliputi sektor ternakan,

tanaman, akuakultur dan memperkasa industri nanas selain pemerkasaan pemasaran dan aktiviti eksport hasil pertanian serta pembangunan usahawan agro di seluruh Johor pada tahun ini.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM19.2 juta diperuntukkan di bawah Program Kerjasama KPKM dengan Kerajaan Negeri Bagi Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Ke Arah Keterjaminan Makanan Negara yang merupakan inisiatif 'quick win' melalui Belanjawan 2024 bagi aktiviti pertanian, agromakanan dan agropelancongan di seluruh negara dengan peruntukan RM150 juta.

Peruntukan berkenaan mencerminkan tindakan proaktif diambil Kerajaan Persekutuan melalui KPKM untuk menyokong usaha Kerajaan Johor dalam meningkatkan pelaksanaan program pembangunan tanah terbiar supaya wujud kesinambungan bagi memastikan tanah pertanian dapat dibangunkan secara optimum.

Untuk rekod, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Johor merekodkan nilai sebanyak RM142.1 bilion iaitu menyumbang 9.4 peratus kepada KDNK Nasional pada tahun 2022. Sektor pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi sebanyak 12.2 peratus kepada keseluruhan KDNK Johor dengan nilai RM17.3 bilion, meningkat daripada RM17 bilion pada tahun 2021.

Terdahulu, berlangsungnya kunjungan hormat YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke atas YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor di Kota Iskandar. Hadir sama, YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor.

Sultan Kedah titah PM Iulus RM200 juta

Insentif fiskal itu sebagai mekanisme timbal balik kerana Kedah kekalkan kawasan padi

Oleh NURUL HIDAYAH
HAMID
ALOR SETAR

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin bertitah, Sultan Badlishah menitahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan persekutuan meluluskan insentif fiskal berjumlah RM200 juta kepada Kedah seperti diminta sebelum ini.

Sultan Sallehuddin bertitah, insentif itu adalah sebagai mekanisme timbal balik berikutan Kedah mengemukakan 113,000 hektar kawasan penanaman padi, yang menyumbang 43 peratus Tahap Sara Diri Beras Negara.

Baginda bertitah, Kedah kehilangan potensi pembangunan, selain pertanian yang boleh men-

jana hasil negeri yang lebih tinggi.

"Oleh itu, insentif fiskal ini dilihat dapat mengimbangi hasil dan perbelanjaan Kedah pada masa hadapan terutama bagi membangunkan bidang sosio-ekonomi.

"Melalui pemberian insentif ini, kerajaan negeri dapat menyediakan program bantuan kepada golongan miskin dalam kalangan petani dengan membantu anggota isi rumah menambah pendapatan keluarga," titah baginda.

Sultan Sallehuddin bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda ke-82 di Istana Anak Bukit, pada Ahad.

Titah baginda, kerajaan negeri juga dapat menyediakan bantuan pendidikan yang lebih sempurna, serta melengkapkan keperluan asas dan akhirnya membolehkan rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan hidup.

Sultan Sallehuddin bertitah, pemberian insentif itu juga boleh digunakan untuk mengembangkan aktiviti ekonomi, seperti me-

nyediakan lebih banyak kawasan perniagaan kepada golongan peniaga dan peniaga kecil.

"Beta berharap agar senarai permintaan yang dibentangkan kerajaan negeri terutama bagi melaksanakan projek pembangunan di Kedah mendapat perhatian kerajaan persekutuan untuk tindakan segera.

"Semoga usaha Kedah untuk menyejahterakan rakyat dan meningkatkan taraf ekonomi negeri akan dapat dilaksanakan terutamanya melalui permintaan insentif fiskal pengkalan kawasan jelapang padi bagi tujuan pembangunan serta penyediaan rumah kepada golongan miskin dan tidak berkemampuan," titah baginda.

Sultan Sallehuddin bertitah, baginda disembah maklum bahawa Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor telah membentangkan senarai permintaan projek pembangunan di Kedah kepada Perdana Menteri dalam Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Kedah pada 4 Mei lalu.

"Dari perspektif ekonomi serantau, beta turut disembah maklum tentang kerancangan pembangunan bandar sempa-

FOTO: PEABAT SUK KEDAH



Sultan Sallehuddin bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda ke-82 di Istana Anak Bukit, Alor Setar pada Ahad.

dan antara Malaysia dan Thailand melibatkan daerah Kubang Pasu dan Padang Terap.

"Misalnya, pembinaan jalan raya baharu menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam Bukit Kayu Hitam dan ICQ Sadao," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda menyuarakan kerajaan persekutuan memperkasakan pembangunan bandar sempadan memandangkan hampir 50 peratus kawasan di Zon Ekonomi

Khas Sempadan Bukit Bukit Kayu Hitam dan Kedah Rubber City (KRC), masing-masing diterajui NGX iaitu anak syarikat Kementerian Kewangan Yang Dipertanggungjawabkan dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Dalam pada itu, Sultan Sallehuddin turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan yang berusaha sebaik mungkin menyediakan pelbagai inisiatif bagi menangani soal kemiskinan yang turut dimanfaatkan rakyat Kedah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/7/2024	UTUSAN MALYISIA	DALAM NEGERI	3

Kekalkan sawah: Kedah mohon RM200 juta insentif

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Sultan Kedah berharap Pusat meluluskan permohonan RM200 juta sebagai insentif fiskal kerana negeri ini mengekalkan 113,000 hektar kawasan penanaman padinya.

Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah, insentif tersebut adalah satu mekanisme timbal balik kerana Kedah terus menyumbang 43 peratus tahap sara diri (SSL) beras negara.

Baginda bertitah, pengekalan kawasan penanaman itu menyebabkan negeri itu kehilangan potensi pembangunan selain pertanian yang boleh menjana hasil negeri lebih tinggi.

"Insentif fiskal itu dapat mengimbangi hasil dan perbelanjaan Kedah pada masa hadapan bagi pembangunan sosioekonomi. Melalui insentif ini, kerajaan beta dapat menyediakan program bantuan kepada golongan miskin seperti keluarga petani dengan membantu anggota isi rumah menambah pendapatan keluarga.

"Selain menyediakan bantuan pendidikan yang lebih sempurna serta melengkapkan keperluan asas dan akhirnya membolehkan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan," titah baginda pada Istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah-Darjah, Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-82 di Istana Anak Bukit, di sini semalam.

Dalam titah sama, baginda meminta Pusat turut memberi pertimbangan segera kepada beberapa senarai permintaan lain membabitkan projek pembangunan negeri agar menjamin kesejahteraan rakyat dan mening-



SULTAN Sallehuddin mengurniakan Darjah Seri Setia Sultan Sallehuddin Kedah Yang Amat Dihormati (SSSK) kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah serta Bintang Kebesaran di Balairung Seri Besar, Istana Anak Bukit semalam.



Insentif fiskal itu dapat mengimbangi hasil dan perbelanjaan Kedah pada masa hadapan bagi pembangunan sosioekonomi."

SULTAN SALLEHUDDIN SULTAN BADLISHAH

katkan taraf ekonomi negeri.

"Seperti mana beta disembah maklum, Menteri Besar telah membentangkan senarai 'wish-

list' projek pembangunan di Kedah kepada Perdana Menteri dalam Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Kedah pada 4 Mei

yang lalu. Oleh itu, beta berharap 'wishlist' yang dibentangkan itu mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan untuk diambil tindakan segera," titah baginda.

Sultan Sallehuddin kemudian menyarankan Kerajaan Persekutuan memperkasakan pembangunan bandar sempadan melalui pembinaan jalan raya baharu menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Sadao, Thailand.

Kedah belanja lebih RM9 juta jamin bekalan makanan termasuk padi cukup

ALOR SETAR: Kerajaan negeri Kedah memperuntukkan sebanyak RM9.52 juta bagi memastikan aspek keterjaminan bekalan makanan negara khususnya beras sentiasa mencukupi.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, peruntukan itu antaranya untuk melaksanakan projek peningkatan hasil tanaman padi di luar kawasan jelapang, pembangunan industri ternakan, tanaman ladang dan buah-buahan.

Justeru katanya, permohonan insentif berbentuk fiskal yang dimohon kepada Kerajaan Persekutuan diharapkan dapat mengimbangi desakan pembangunan yang berterusan melibatkan kawasan tanaman padi.

“Permohonan ini telah diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Persekutuan dan diharapkan ianya membolehkan hasil setelah sekian lama diperjuangkan,” katanya berucap pada Istiadat Menyembah Tahmiah dan Penganugerahan Darjah-Darjah, Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-82 di Istana Anak Bukit, semalam.

Terdahulu, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah berharap Perdana Menteri, Datuk Seri



MUHAMMAD SANUSI MD. NOR bersama **Anwar Ibrahim** pada Istiadat Menyembah Tahmiah dan Penganugerahan Darjah-Darjah, Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kedah ke-82 di Istana Anak Bukit, Alor Setar, semalam.

Anwar Ibrahim dapat meluluskan permintaan negeri itu untuk mendapatkan insentif fiskal berjumlah RM200 juta seperti yang telah diminta.

“Tahap baginda, insentif

berkenaan merupakan satu mekanisme timbal balik apabila Kedah perlu mengekalkan 113,000 hektar kawasan penanaman padi yang menyumbang 43 peratus kepada tahap sara

tinggi.

Govt urged to act on Kedah wish list

State economy, rakyat's welfare will benefit from development projects, says Ruler

ALOR SETAR: The Sultan of Kedah Al-Annuhul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah has expressed hopes that the development projects on Kedah's wish list will receive attention and immediate action from the Federal Government.

Sultan Sallehuddin said this is crucial to realise the state government's efforts to improve welfare and boost the economy, especially through fiscal incentives for maintaining padi fields.

"As I have been informed, Menteri Besar (Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor) presented Kedah's wish list of development projects to the Prime Minister during the special Kedah State Development meeting on May 4.

"I appreciate the Prime Minister's concern, especially regarding the 1,750 hardcore poor families in Kedah who urgently need assistance.

"I have been informed that this number has been reduced by 77% to 404 families," Sultan Sallehuddin said at the awards and medals investiture ceremony in conjunction with his 82nd birthday celebration at Istana Anak Bukit here yesterday, Bernama reported.

The Sultanah of Kedah Sultanah Maliha Tengku Ariff, Raja Muda of Kedah Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin and Raja Puan Muda of Kedah Che Puan Muda Zaheda Mohamad Ariff were also in attendance.

(SBEZ) areas, including Bukit Kayu Hitam and Kedah Rubber City, are managed by fully-owned subsidiaries of the Ministry of Finance Incorporated, namely Northern Gateway Sdn Bhd (NGX) and the Northern Corridor Implementation Authority.

"From a regional economic perspective, I am also aware of the progress in border town development between Malaysia and Thailand involving the districts of Kubang Pasu and Padang Terap," the Ruler said.

Sultan Sallehuddin also highlighted Kedah's significant investment and economic achievements, exceeding RM100bil during the 12th Malaysia Plan and the Kedah Development Plan 2035, initiated in 2021.

The Ruler emphasised that these achievements showcase Kedah's potential to attract investors interested in expanding their businesses in the state.

"The principle of 'ease of doing business', including initiatives like the E10 Express Construction Permit and expedited Land Use Change processes, has been instrumental in attracting investors," the Sultan added.

At the investiture ceremony, the Prime Minister headed the list of 238 recipients of state honours. Anwar was awarded the Darjah Seri Setia Sultan Sallehuddin of Kedah Yang Amat Dihormati (SSSK), which carries the title of "Datuk Seri Diraja".

Sultan Sallehuddin conferred

the Darjah Seri Setia Pahlawan Yang Amat Dihormati (SSPK), which carries the title of "Datuk Seri Pahlawan" on the Chief of Defence Force Jen Tan Sri Mohammad Ab Rahman.

Three recipients were awarded the Darjah Gemilang Wira Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (DGWK), which carries the title "Datuk Wira".

They were Kedah Finance Officer Datuk Syed Khairul Anuar Syed Abidin, Army chief Jen Tan Sri Muhammad Hafizudeain Jantan and Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Sultan Sallehuddin also consented to award the Darjah Datuk Seri Sultan Sallehuddin Kedah (DSSS), which carries the title of "Datuk", to state education, religion, communication and information committee chairman Mohd Azam Abd Samat, AFK Group chief executive officer Tan Sri Dr Azmil Khalili Khalid and Kol (Rtd) Datuk Mohd Aros Othman.

Nine recipients received the Darjah Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK), which carries the title "Datuk" including Kota Setar district officer Hakim Ariff Md Noor, Kedah deputy state secretary Dr Nadzman Mustaffa, Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry secretary-general Datuk Dr Ching Thoo Kim and Universiti Utara Malaysia (UUM) vice-chancellor Prof Dr Mohd Foad Sakdan.



Royal presence: Sultan Sallehuddin and Sultanah Maliha arriving for the investiture ceremony at Istana Anak Bukit in Alor Setar yesterday. — Bernama

that contribute 43% to the nation's rice self-sustainability.

"With this incentive, my government can assist poor families, including farmers, by boosting household incomes, enhancing education, meeting basic needs and breaking the cycle of poverty," the Sultan said.

Sultan Sallehuddin also proposed enhancing urban development along the border, especially involving two districts in the state.

He said nearly 50% of the Special Border Economic Zone

Also present were Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and his wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Muhammad Sanusi as well as members of the state executive council.

Sultan Sallehuddin expressed his hope that the Prime Minister and the Federal Government would approve the request for RM200mil in fiscal incentives for the state government.

His Royal Highness said this incentive is a reciprocating mechanism, considering Kedah maintains 113,000ha of padi fields